

22 DEC 2002

PERDANA MENTERI LAWAT PROJEK KUALA KEDAH MARINA HARBOUR

KUALA KEDAH, 22 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini melawat projek pembinaan Kuala Kedah Marina Harbour di sini.

Dr Mahathir bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali meluangkan masa kira-kira setengah jam dalam lawatan itu yang turut disertai Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Projek milik Jabatan Laut Semenanjung Malaysia yang dijadual siap April tahun depan itu dimajukan oleh syarikat LLC Usahasama Sdn Bhd.

Pengurus projek syarikat terbabit, A.Darmesh berkata Perdana Menteri berpuas hati dengan perkembangan projek itu.

"Sehingga kini, projek itu sudah 70 peratus disiapkan," katanya.

Menurut Darmesh, Kuala Kedah Marina Harbour akan menyediakan kemudahan marina yang mampu memuatkan 44 buah kapal layar, jeti dan rumah kelab yang berkonsepkan kota lama.

-- BERNAMA

FMF MNH MAN MOZ